

Rakyat perlu kurangkan perbelanjaan, kata PM

BH 12 DEC 1989

KUALA LUMPUR, Rabu — Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad**, berkata rakyat perlu meningkatkan daya pengeluaran di samping mengurangkan perbelanjaan, sebagai usaha mengatasi kemelesetan ekonomi negara.

Selain itu, pembabitan dalam sektor perindustrian pula perlu dipelbagaikan dan tidak hanya tertumpu kepada bidang-bidang tertentu bagi mengelakkan lebihan dalam penawaran.

Katanya, kerajaan sentiasa berusaha membantu rakyat dalam pelbagai bidang bagi menjamin kesejahteraan rakyat.

Menurutnya, segala dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan adalah bertujuan untuk menjamin kesejahteraan dan membolehkan rakyat menikmati segala kemudahan yang disediakan kepada mereka.

Berucap di majlis makan malam yang disediakan oleh Gabungan Dewan-Dewan Perniagaan Cina Malaysia (ACCIM), di sini hari ini beliau berkata kerjasama

di kalangan rakyat adalah perlu bagi menjamin kestabilan politik dan kesejahteraan negara.

Tambahnya, setakat ini masalah-masalah yang dihadapi, termasuk dalam soal politik, diselesaikan secara perundingan dan itulah cara yang paling sesuai bagi memastikan kesejahteraan negara dapat dikembalikan.

"Kestabilan politik penting kerana kekayaan harta benda tidak dapat menjamin kesejahteraan rakyat. Dan jika keadaan politik tidak stabil, rakyatlah yang akan menderita," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan, negara hanya dapat membangun dalam keadaan politik dan ekonomi yang stabil.

Mengenai perdagangan dengan Negeri China, beliau berharap ACCIM dapat memantapkan tugas penting bagi meningkat lagi perdagangan antara kedua-dua negara.

Di samping itu, kerjasama antara ACCIM dan Dewan Perdagangan dan Perindustrian Melayu perlu diwujudkan supaya ahli-ahli kedua pihak dapat bekerjasama dalam kegiatan perdagangan.